



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

IKLAN JAWATAN KOSONG

Majlis Peperiksaan Malaysia ialah sebuah Badan Berkanun di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia ingin mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan seperti yang berikut:

Bil.	Jawatan	Butiran	Gaji dan Elaun	Syarat Lantikan
1.	Penolong Pegawai Tadbir Gred N5 (Kontrak/Tetap)	Kekosongan: 1 orang Klasifikasi Perkhidmatan: Pentadbiran dan Sokongan Kumpulan Perkhidmatan: Pelaksana	<u>Gaji (Min – Maks):</u> RM1,650.00 – RM6,620.00 <u>Elaun:</u> ITKA : RM160.00 ITP : RM300.00 BISH : RM350.00	(i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau Sijil Tinggi Agama Malaysia atau Sijil Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan (Gaji permulaan : RM1650.00); atau (ii) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (Gaji permulaan : RM1893.00); dan (iii) Calon hendaklah memiliki kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. Syarat tambahan: (iv) Keutamaan diberi kepada calon yang memiliki diploma dalam bidang pentadbiran dan perakaunan, pentadbiran awam, dan pengurusan kewangan. (v) Mempunyai kemahiran komputer yang baik termasuk penguasaan aplikasi <i>Microsoft Office (Word, Excel, dan Power Point)</i> , penyediaan laporan serta keupayaan mengendalikan sistem pengurusan kewangan dan perolehan adalah satu kelebihan.
2.	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N1 (Kontrak/Tetap)	Kekosongan: 1 orang Klasifikasi Perkhidmatan: Pentadbiran dan Sokongan Kumpulan Perkhidmatan: Pelaksana	<u>Gaji (Min – Maks):</u> RM1,500.00 – RM4,680.00 <u>Elaun:</u> ITKA: RM115.00 ITP : RM300.00 BISH: RM350.00	(i) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau Sijil Vokasional Malaysia (SVM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau (Gaji permulaan : RM1500.00); dan (ii) Calon hendaklah memiliki kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM/SVM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. Syarat tambahan: (iii) Mempunyai kemahiran komputer yang baik khususnya dalam aplikasi <i>Microsoft Office (Word, Excel, dan Power Point)</i> bagi penyediaan laporan serta pengurusan data.

Bil.	Jawatan	Butiran	Gaji dan Elaun	Syarat Lantikan
3.	Personel MySTEP Gred 1	<p>Kekosongan: 1 orang</p> <p>Umur: Tidak melebihi 35 tahun pada tarikh tutup iklan</p> <p>Gelaran Tugas: Pembantu Tadbir</p> <p>Fungsi tugas: Membantu tugas perkeranian dan operasi</p> <p>Waktu bekerja : 9 jam sehari termasuk waktu rehat</p> <p>Kemudahan: Cuti Rehat, Cuti Sakit, Caruman KWSP, dan PERKESO</p>	<p><u>Gaji</u> RM1900.00 sebulan (termasuk KWSP dan PERKESO)</p>	<p>(i) Minimum SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan</p> <p>(ii) Keupujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan</p> <p>(iii) Mempunyai kemahiran komputer yang baik khususnya dalam aplikasi <i>Microsoft Office (Word, Excel, dan Power Point)</i></p>

1. Tarikh tutup permohonan: 13 Mac 2026

2. Cara memohon:

Permohon hendaklah mengisi borang permohonan secara dalam talian (*online*) di <https://mecea.mpm.edu.my/erecruitment>.

3. Catatan:

- i. Hanya calon yang terpilih akan dihubungi untuk temu duga.
- ii. Permohonan yang lewat atau tidak mengikut peraturan akan ditolak.
- iii. Permohonan dianggap tidak berjaya sekiranya tidak dihubungi dalam tempoh **30 hari** dari tarikh iklan ditutup.